

## **Pemeriksaan Batin secara Peribadi – 7 Dosa maut**

**KESOMBONGAN** adalah “keinginan yang berlebihan untuk menonjolkan keunggulan diri sendiri.”

Pernahkah saya mempunyai sikap angkuh didalam fikiran, atau percakapan atau kelakuan?

Pernahkah saya mempunyai sikap angkuh didalam fikiran, atau percakapan atau kelakuan?

Adakah saya bongkak? Pernahkah saya membawa diri atau berkelakuan yang sompong dan menyakitkan?

Adakah saya meletakkan diri saya lebih tinggi daripada orang lain?

Adakah saya minta untuk penghargaan?

Adakah saya mahu selalu untuk diutamakan?

Adakah saya meminta nasihat?

Adakah saya bersedia untuk menerima nasihat?

Adakah saya mempunyai sikap membuli?

Adakah saya cenderung untuk mengarah?

Adakah saya bercakap buruk tentang orang lain?

Pernahkah saya bercakap bohong tentang orang lain?

Adakah saya mendedahkan keburukan orang lain?

Adakah saya meletakkan kesalahan saya kepada orang lain sebagai alasan?

Adakah saya tidak bercakap dengan seseorang?

Adakah saya sudah lama tidak bercakap dengan seseorang?

Adakah saya suka bergaduh/berbalah?

Adakah saya selalu tidak mahu mengalah semasa berbalah?

Pernahkah saya bersikap besar kepala dan “tahu semua perkara” semasa perbalahan?

Adakah saya seorang yang tahu malu?

Adakah saya seorang yang sensitif?

saya mudah untuk disakiti?

**IRI HATI** adalah “kesedihan atas hal-hal baik yang dinikmati orang lain, yang dianggap membahayakan diri sendiri oleh sebab hal-hal baik tersebut memudarkan keunggulan atau kemasyhuran diri.”

Adakah saya merasa sedih atas kemewahan orang lain? Pada kejayaan mereka dalam perlawanan? Dalam sukan?

Adakah saya bersukacita apabila mereka gagal?

Adakah saya iri hati atas kekayaan orang lain?

**KEMALASAN** adalah “kemurungan ketika berhadapan dengan hal-hal rohani”

Pernahkah saya menjadi begitu suka untuk berehat secara berlebihan, sehingga mengabaikan tanggungjawab saya?

Adakah saya bersikap malas?

Adakah saya sungguh gemar untuk berehat?  
Adakah saya bersikap malas untuk melakukan doa?  
Adakah saya berlutut dengan tidak cara yang tidak bersungguh-sungguh?  
Adakah saya suka untuk berbual perkara sia-sia?  
Adakah saya gagal untuk bersungguh-sungguh melakukan pelayanan untuk Tuhan?

**HAWA NAFSU** adalah "keinginan yang berlebihan akan kenikmatan seksual."  
Pernahkah saya teringin atau pernah melakukan perkara lucah?  
Pernahkah saya merasa teruja melayani fikiran dan keinginan yang lucah?  
Pernahkah saya membaca bahan-bahan lucah, mendengar lagu yang ada lirik kucah atau melihat imej-imej lucah, samada dalam bentuk gambar atau di televisyen atau tayangan filem atau di laman internet?  
Pernahkah saya terangsang keinginan secara seksual pada diri sendiri atau orang lain melalui ciuman, pelukan atau sentuhan?  
Pernah saya melakukan aksi lucah seperti onani?  
Adakah saya berpakaian menjolok mata?  
Adakah saya menggunakan kata-kata lucah atau bercakap atau mendengar cerita atau gurauan lucah?  
Pernahkah saya berada dalam keinginan untuk berzina walaupun didalam imaginasi saya?

**KETAMAKAN** "adalah kesukaan yang berlebihan akan harta milik atau kekayaan."  
Adakah saya membelanjakan kewangan saya dengan baik atau secara penting diri sendiri?  
Adakah saya melakukan tanggungjawab saya terhadap keadilan demi untuk sesama?  
Adakah saya melakukan tanggungjawab saya demi keadilan kepada Gereja?

**KERAKUSAN** adalah "keinginan yang berlebihan kepada makanan dan minuman."  
Adakah saya makan untuk hidup atau hidup untuk makan?  
Adakah saya makan secara berlebihan?  
Adakah saya minum sehingga mabuk?  
Adakah saya menyalahgunakan ubat-ubatan?  
Adakah saya menggunakan ubat-ubatan yang tidak sah?  
Adakah saya membiarkan diri saya menjadi ketagih kepada alcohol dan/atau ubat-ubatan?

**KEMARAHAN** adalah "keinginan yang berlebihan untuk membala dendam."  
Adakah saya mudah untuk marah?  
Adakah perkara-perkara kecil boleh membangkitkan kemarahan saya?  
Adakah saya ini seseorang yang secara umumnya suka menyakit hati?

Adakah saya gagal menahan tanda awal perasaan marah?  
Adakah saya gagal untuk berbaik-baik dengan setiap orang?  
Adakah saya ingin melakukan penghinaan atau kecederaan, malah membuat andaian?  
Adakah saya bersukacita atas nasib malang orang lain?  
Adakah saya memikirkan untuk membala dendam?  
Pernahkah saya menjadi satu semangat yang mahu berlawanan?  
Adakah saya mengejek seseorang ,sesuatu tempat atau perkara?  
Adakah saya seorang yang sukar untuk dijadikan kawan?  
Adakah saya menyimpan dendam, dan kekal mahu melepaskan kepada sesiapa saja?  
Adakah saya bercakap tentang kesalahan orang lain.  
Adakah saya mendedahkan kesalahan atau kepincangan orang lain?  
Adakah saya mendedahkan kesalahan orang lain atas tujuan atau motif yang salah?